

BAB 2.

KONSEP ALAM PANTUN MELAYU.

2.1. Pengenalan.

Minta daun diberi daun,
 Dalam daun buah bidara,
Minta pantun diberi pantun,
 Dalam pantun ada bicara.

(Nik Safiah Karim, 1996:15).

Mohd. Taib Osman (dalam Wan Abd. Kadir Wan Yusuf, 1996:1) menyatakan pantun sebagai satu artifak bukan-benda (non-material) yang bukan sahaja digunakan dalam kehidupan orang Melayu, tetapi mempunyai berbagai-bagai makna dan fungsi dalam budayanya. Pantun sebenarnya mencerminkan peradaban Melayu dalam mana minda sebagai terjemahan perkataan Inggeris '*mind*' adalah sebahagian daripadanya.

Apa yang tercipta dalam peradaban manusia lahir daripada kemampuan ia menggunakan mindanya, tetapi kita jangan lupa bahawa manusia dicipta oleh Tuhan dilengkapi juga dengan perasaan, dan juga peradaban dibentuk hasil interaksi antara manusia dengan alam sekitar pemberian Tuhan.

Pantun boleh dianggap sebagai pernyataan tradisi budaya Melayu yang menerangkan kemantapan daya kreativiti dan pemikiran orang-orang Melayu. Sarjana-sarjana barat sejak awal telah mengenali pantun Melayu dan telah

menunjukkan minat yang mendalam tentang keindahan pantun (Francois-Rene Daille, 1988: Bab I).

Francois-Rene Daille (1988:6) dalam memberikan hubungan pantun dengan manusia Melayu, menyatakan:

“ This brief poem as an epitome of life and a universe in a grain of sand. It carried within itself all the elements of the Malay man's life: his land, his house,, his river, his paddy field; the river, the sea or the forest; the trees, fruit, animals, bird, fishes; the few simple things of everyday use; it expresses his customs and tradition, love of man, woman and God. It also sounds, very often, like his personal magic mantra, which everyone can use without the help of any established pawang or bomoh – magician or sorcerer. It belongs to everyone, it is composed of simplest words of everyone use, its syntax itself is rather cryptic sometimes – and its rhythm deeply in common ordinary speech”.

Para sarjana barat yang cuba menterjemah atau mengkaji pantun Melayu mengakui bahawa tugas itu bukan saja memerlukan pengajian yang mendalam dan pembacaan yang luas, tetapi juga penyelidikan etnologi dan kerja lapangan yang serius serta berterusan.

Di samping itu, diperlukan juga pengetahuan yang secukupnya tentang budaya, kepercayaan, mitos, dan lagenda yang mewarnai alam pemikiran manusia Melayu dalam pelbagai aspek dan situasi. Mungkin tidak kurang juga pengetahuan formal atau ilmu ganti yang meliputi geografi, sejarah, botani dan zoologi serta pemahaman terhadap pelbagai kegiatan manusia, cara hidup, hubungan sosial, adat dan upacara, tegasnya penglibatan yang menyeluruh dalam kehidupan dan tamadun alam Melayu.

Harun Mat Piah (dalam Wan Kadir Wan Yusof, 1996:135) menyatakan bahawa pantun adalah representasi manusia Melayu; pemikiran, emosi dan

sentimennya yang diserlahkan, baik melalui satu kuplet, serangkap, maupun keseluruhan repertoire pantun berkenaan.

Harun Mat Piah (1997:122) membuat kesimpulan bahawa pantun adalah ciptaan asal dalam masyarakat Melayu, iaitu bukan daripada puisi Jawa, India atau Cina. Hanya ada beberapa aspek daripada pantun itu yang hampir sama dengan puisi-puisi lain dalam masyarakat Nusantara dan di luar Nusantara.

Muhammad Hj. Salleh (dalam Wan Abd. Kadir Wan Yusuf,1996:118) menulis tentang pantun yang dikarang di pelbagai daerah di Nusantara ini dan di dalam bahasa serta dialek Melayu yang berbagai-bagai pula. Jumlah seluruh daerah berbahasa Melayu dan bukan Melayu yang menggunakan bentuk ini tidak kurang daripada tiga puluh semuanya termasuk, Iban, Bajau, Patani, Sangehe-talaud, Menado, Minahasa, Gorontalo, Bali, Lombok, Ambon, Jawa, Betawi, Palembang, Kerinci, Minangkabau, Bima, Riau, Jambi dan lain-lain.

Pantun Melayu sebagai cara berkomunikasi tidak berterus terang dalam masyarakat Melayu tetapi berkias. Menurut Asmah Haji Omar (1991:21), dalam budaya Melayu suatu pujian biasanya ditolak untuk mengelakkan sifat riak dan takbur. Selain itu, ungkapan yang bersifat metafora dan kiasan, agak banyak terdapat dalam perbualan dan sastera Melayu, misalnya dalam peribahasa dan pantun. Orang Melayu dianggap kurang ajar jika berbahasa secara berterus terang.

Mohd Taib Osman (dalam Wan Abd. Wan Yusuf, 1996:7) menyatakan bahawa berkomunikasi tidak secara terus terang ini dapat dilihat pada tegur sapa

(greetings) yang tidak membawa makna tertentu, tetapi diertikan sebagai perhubungan sosial apabila dua anggota budaya bertemu.

Sekadar contoh:

Yang kurik itu kundi,
Yang merah itu saga,
Yang cantik itu budi,
Yang indah itu bahasa.

(Kumpulan Pantun Melayu, hal. 71).

Pantun adalah pancaran hidup masyarakat Melayu, Alisjahbana (1971: 4-9). Hal ini tidak dapat disangkal. Contoh pantun di atas merupakan salah satu bukti yang menunjukkan akhlak mulia orang Melayu, iaitu begitu berhemah ketika bertutur. Bahasa yang digunakan adalah bahasa yang sopan dan tidak menyakiti pendengarnya. Demikian juga sifat orang Melayu yang digalakkan berbudi serta tolong menolong antara satu sama lain hinggan kita dapat menyaksikan betapa kukuhnya kehidupan masyarakat Melayu zaman silam.

Pegangan orang Melayu adalah selaras dengan prinsip Islam kerana Islam menggalakkan umatnya melakukan sesuatu yang terbaik di dalam kehidupan supaya wujud kesejahteraan ummah.

Di sini dapat dilihat bahawa adanya intertekstualiti pengarang dalam usaha penciptaan sesebuah pantun itu. Mohd Taib Osman (1975:vii) menyatakan, "maka itu untuk memahami puisi lama Melayu, kita mesti menyedari bahawa ada daya cipta yang terkandung padanya, walaupun bentuk yang digunakan sudah ditentukan".

Zainal Kling (2001:5), berpendapat bahawa sebahagian besar daripada pantun-pantun keagamaan itu adalah berkaitan ajaran atau nasihat supaya

berkelakuan dan berbuat baik selaras dengan ajaran Islam. Namun terdapat pantun-pantun yang cukup berupaya memaparkan tentang hal-hal lain yang berkait dengan ajaran aqidah atau keimanan, ibadah, doa serta juga bentuk sindiran terhadap golongan beragama seperti lebai dan haji.

Norazit Selat dan Zainal Abidin Borhan (dalam Wan Abd. Kadir Wan Yusuf, 1996: 33) menyatakan bahawa pantun memiliki dua bahagian utama, iaitu pembayang dan maksud, tertaut secara integratif sehingga tertera sebagai pengucapan yang indah. Dua bahagian itu ibarat dua struktur, luaran dan dalaman, lahir dan batin, tetapi tertaut menjadi satu, menjadi pantun.

Demikian juga dengan maksud, yang merupakan roh atau jiwa pantun itu, intipati datanya bersumberkan pengalaman inderawi manusia. Maka pada peringkat ini, pantun mengandungi persoalan yang rasional dan logikal, kesan dari interaksi manusia dengan alamnya, sesama manusia, budaya atau teks-teks lainnya yang menjadi pegangan mereka.

Tegasnya, pelbagai gambaran yang diserlahkan melalui sebuah pantun; lantas secara keseluruhan dapat dirumuskan pantun adalah Melayu dari segi manusia dan dunianya. Ini menepati pendapat para sarjana terdahulu bahawa tidak lengkap pengetahuan seseorang pengkaji tamadun Melayu jika tidak meneliti dan memahami pantun-pantunnya (Winstedt, 1960:202-3; Daillie 1988:2-3).

Dalam penyelidikan dan penelitian pantun Melayu oleh para sarjana dari dahulu hingga kini, pelbagai aspek telah diterokai; misalnya teori tentang asal-usulnya, aspek estetika dan etika serta analisis tentang pemikiran, fungsi dan

penyebarannya. Suatu aspek yang cukup menarik dan mengagumkan, terutama kepada para pengkaji barat, ialah terhadap penciptaan pantun; bagaimana ia dicipta dengan begitu indah, secara spontan oleh anggota masyarakat yang umumnya tidak terpelajar; malah buta huruf.

2.2. Istilah 'Pantun' dan Sejarahnya.

Pantun wujud dan berkembang dalam suatu tradisi lisan. Oleh yang demikian kerja menggalurkan sejarahnya menjadi amat rumit. Ada beberapa cara untuk melihat kembali akar bentuk ini. Salah satunya ialah mencari akar perkataan pantun itu sendiri dalam bahasa Melayu dan bahasa rumpunnya.

Harun Mat Piah (1997:106) menyatakan akar kata *tun* dalam bahasa-bahasa Nusantara merujuk kepada sesuatu yang teratur, yang lurus, baik secara konkrit atau abstrak. Menurutnya lagi keadaan yang demikian jelas dirasakan dalam perkataan 'pantun' yang juga merupakan sebagai bentuk atau cara yang teratur dalam melahirkan sesuatu maksud atau fikiran.

Muhammad Hj. Salleh & Bazrul Bahaman (2000:9) bahawa rumusan yang dapat dibuat daripada kajian mereka ialah kata 'tun' yang bermakna 'keteraturan' telah lama wujud dalam bahasa-bahasa Austronesia. Misalnya, dalam bahasa Pampanga, menurut beliau, 'tuntun' bermakna 'teratur'; dalam bahasa Tagalog pula kata 'toton' bermaksud mengucapkan sesuatu secara teratur dan tersusun; dalam bahasa Jawa kuno, 'atuntun' bermaksud 'teratur dengan benang'; dalam

bahasa Bisaya 'panton' bermakna 'mendidik'; dalam bahasa Toba 'pantun' bererti 'kesopanan' atau 'kehormatan'.

Menurut mereka lagi, sejauhmana kata 'pantun' berasal dari kata 'tun' yang kemudian membentuk dua suku kata sehingga menjadi 'pantun' tidak jelas. Namun begitu, kata 'pantun' nampaknya untuk beberapa bahasa ini, mempunyai hubungan dengan makna keteraturan yang menjadi makna dasar akar kata 'tun' itu.

Dalam penggunaan lisarr Melayu hingga beberapa puluh tahun yang lalu perkataan 'pantun' digunakan secara longgar untuk genre puisi. Misalnya, seseorang diminta berpantun, dengan maksud dia dimintakan membaca atau menyanyikan sesebuah puisi. Puisi ini boleh sahaja berbentuk syair, gurindam, seloka, nazam, talibun, dikir atau pantun dan sebagainya.

Makna kamus tertua mengenai kata 'pantun' tercatat dalam *Dictionary English and Malayo, Malayo and English*, oleh Thomas Bowrey (1701) begini:

'Pantoon, Meeter, Rhime, Verses, a Poem'.

Di sini 'pantun' memperlihatkan dua maksud, pertama sebagai bentuk suatu puisi atau sebuah puisi, dan kedua, matra dan rima, iaitu sifat teknikal puisi. Maksud perumpamaan tidak tercatat, mungkin juga kerana kamus ini amat dasar, hampir-hampir sebagai suatu daftar kata dengan padanannya.

Definisi-definisi pantun di akhir abad ke 19 dan awal ke 20 tidak lagi menyebutkan pengertian pantun sebagai 'umpama', 'kias' dan lain-lain. Pengertian hanya menjurus kepada makna pantun sebagai suatu bentuk puisi dan ditegaskan pantun sebagai milik bangsa Melayu asli.

Raja Ali Haji dalam *Kitab Pengetahuan Bahasa*, penggal yang pertama, yang siap ditulis pada tahun 1275H dan dicetak pertama kalinya pada tahun 1345 H (1927) menjelaskan:

Adapun pantun iaitu seperti timbangan syair juga, ada juga yang bagus sajaknya, ada juga yang cedera sedikit akan tetapi tidak ketara jika dibacakan, dan jika disuratkan ketara juga. Inilah misalnya yang bagus:

Cincin bandu permata sailan,
Jatuh ke padang pati temu,
Jika rindu pandanglah bulan,
Jatuhlah pandang di situ bertemu.

Za'ba, dalam buku *Ilmu Mengarang Melayu*, terbitan Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1965 menurunkan ciri-ciri khas pantun sebagai bentuk berangkap. Seterusnya, menurut beliau, "Pantun itulah kaedah rangkapan yang tertua dan memang asal kepunyaan Melayu betul".

Harun Mat Piah (1997:117) menyatakan, oleh kerana pantun adalah suatu bentuk sastera lisan dan masih berkedudukan begitu hingga sekarang, tidaklah dapat ditentukan tarikh ia dicipta dan popular dalam masyarakat Melayu sebagaimana genre-genre puisi lisan yang lainnya.

Pantun mungkin mula wujud dalam masyarakat awal Melayu apabila manusia melihat alam menjadi semacam bayangan untuk kehidupan manusia. Maka terciptalah suatu cara berfikir bahawa 'alam terkembang menjadi guru', dan apabila manusia menyampaikan pandangan hidupnya, dua bahagian alam kehidupan itu diijarkan.

V.I. Braginsky (1998:364), menyatakan bahawa dalam *Hikayat Raja Pasai* dan *Sejarah Melayu* menampakkan bahawa dari abad ke 14-15 pantun termasuk

ke dalam sastera tulisan Melayu. Dalam zaman klasik, genre pantun bahkan menjadi komponen mutlak dalam 'hikayat petualangan ajaib' dan terkadang syair. Dengan demikian, sebagai sarana penghias dan pengungkap perasaan dan fikiran tokoh-tokoh, pantun menggantikan bait-bait masnawi dan qasidah yang terdapat dalam hikayat zaman Islam awal (bahkan di dalam *Hikayat Seri Rama*).

2.3. Jenis-jenis Pantun.

Harun Mat Piah (1997:145-160) membincangkan pantun berdasarkan baris, teknik berkait dan variasi rima. Pantun Melayu mengandungi jumlah baris yang genap setiap rangkap. Misalnya, pantun dua baris dengan rima a-a, pantun empat baris dengan rima a-b-a-b, pantun enam baris dengan rima a-b-c-a-b-c dan seterusnya hingga pantun enam belas baris. Di samping itu ada pula jenis pantun berkait.

Bagaimanapun, umumnya pantun dibahagikan kepada empat (Zainal Abidin Bakar, 1984:25-31).

- i. Pantun dua baris-dikenali juga sebagai pameo atau pantun kilat.
- ii. Pantun empat baris-kwatrain.
- iii. Pantun yang lebih dari empat baris dan
- iv. Pantun berkait.

Za'ba (1965:211-213) berpendapat bahawa pada peringkat awal, pantun hanya terdiri dari jenis dua baris sahaja dan kemudian berkembang menjadi pantun-pantun yang lebih banyak jumlah barisnya. Di samping itu pantun berkait

atau dikenali sebagai pantun terikat mempunyai empat baris serangkap tetapi saling berkait antara rangkap.

Mohd. Taib Osman (1975:4) membahagikan pantun kepada empat bahagian, iaitu ungkapan bersajak atau pantun dua baris, pantun kanak-kanak, pantun biasa dan pantun berkait.

Walaupun bagaimanapun jenis pantun empat baris atau empat kerat dianggap paling popular dan pada kebiasaan kajian terhadap pantun Melayu, pantun empat keratlah dijadikan contoh yang paling dominan.

2.4. Tema dan Isi Pantun.

Zainal Abidin Bakar (1984) membuat penjenisan pantun dari sudut tema, iaitu telah membahagikan kepada sebelas bahagian seperti berikut:

1. pantun adat dan resam manusia.
2. pantun agama dan kepercayaan.
3. pantun budi.
4. pantun jenaka dan permainan.
5. pantun teka-teki.
6. pantun kepahlawanan.
7. pantun pendidikan dan nasihat.
8. pantun peribahasa dan perbilang.
9. pantun kias dan ibarat.
10. pantun kembara dan perantauan.
11. pantun percintaan.

Muhammad Hj. Salleh pula menyatakan bahawa pantun Melayu bertemakan kasih sayang, nilai sosial, keagamaan, nasib, kepahlawanan, masalah sosial dan kehidupan seni.

Harun Mat Piah (1997) yang mengutip pendapat Van Ophujsen yang menjeniskan kepada pantun tua, pantun dagang, pantun riang, pantun nasihat dan pantun muda yang tema dan isi hampir serupa dengan pendapat sebelum ini.

2.5. Fungsi dan penyebaran.

Harun Mat Piah (1997:189-190), menyatakan bahawa pantun dianggap sebagai alat komunikasi antara anggota masyarakat. Di sini seolah-olah menjelaskan bahawa seluruh aspek kehidupan masyarakat dapat digambarkan melalui pantun. Pada peringkat awal, pantun mungkin dianggap memainkan fungsi sebagai alat hiburan sebagai mengisi masa rehat selepas penat bekerja. Masyarakat Melayu pada zaman lampau malah zaman kini masih menjadikan pantun sebagai media hiburan. Lagu-lagu joget atau dondang sayang misalnya, pantunlah menjadi lirik utamanya dan ia berkekalan sehingga kini.

Harun Mat Piah (1997:184) menegaskan bahawa pantun bukan sahaja alat komunikasi untuk menyatakan emosi cinta dan kasih sayang. Pantun boleh juga berunsur deduktif, iaitu mengandungi pengajaran tentang kehidupan bermasyarakat, nasihat, pelajaran agama, menegaskan keesaan Allah dan

balasannya di hari kemudian. Selain itu tidak kurang pula yang dapat membicarakan persoalan yang lebih serius, iaitu norma-norma adat, peraturan dan undang-undang.

M.G. Emeis (1975:205) menyatakan bahawa pantun ini berfungsi untuk menyatakan isi hati ketika berucap terutama bagi golongan orang tua-tua. Golongan ini mungkin sahaja berpantun untuk tujuan nasihat-menasihati atau menyatakan sesuatu perkara secara berkias dan sopan.

Bagi golongan muda pula iannya merupakan kata-kata yang berbentuk sindiran dan gurau senda untuk menyatakan perasaan kasihnya terhadap seseorang.

Kalau dilihat pula secara mendalam, fungsi pantun begitu meluas, iaitu antaranya berfungsi sebagai media pendidikan dan motivasi terutama jenis-jenis pantun nasihat. Pantun-pantun sedemikian walaupun pendek maksudnya tetapi mengandungi nasihat yang padat serta bernas. Nasihat yang disampaikan pula sungguh berhemah dan secara tidak langsung pula menunjukkan sikap kesopanan orang Melayu dalam usaha menasihati seseorang. Cuba perhatikan pantun berikut, iaitu menunjukkan sifat kerendahan hati orang Melayu yang inginkan masyarakatnya bersopan serta tidak mengata orang. Pantun ini didasarkan pada prinsip kerendahan hati, Leech (1990:128).

Sekadar contoh:

Buah ara batang dibantun,
Mari dibantun dengan parang,
Hai saudara dengarlah pantun,
Pantun tidak mengata orang.

(Mohd. Taib Osman 1987: 10)

Apabila tersebar Islam di Nusantara, maka fungsi pantun menjadi lebih penting, iaitu mampu bertindak sebagai media dakwah. Di dalam majlis peminangan, perkahwinan, temasya menuai padi atau menumbuk padi, menangkap ikan dan lain-lain di dalam masyarakat Melayu terutamanya, pelbagai lapisan masyarakat akan hadir dan pemantun-pemantun akan memperdengarkan pantun ciptaan mereka. Di dalam majlis tersebut para pemantun akan berbalas-balas pantun dan suasananya begitu meriah.

Dalam majlis-majlis sedemikian terkumpul khalayak yang banyak, maka di kalangan pemantun itu terdapat pula golongan yang pandai agama. Di sinilah situasi yang sebaiknya untuk mereka berdakwah melalui pantun yang dicipta itu (Bazrul Bahaman 2002:2).

Harun Mat Piah (1997:189) menegaskan, fungsi dan penyebaran secara langsung dan konkrit harus dilihat dalam aktiviti-aktiviti yang berhubung dengan kesenian dan kebudayaan, masyarakat, termasuk nyanyian, muzik, tarian, permainan, dan perlakuan-perlakuan lain yang berhubung dengan ritual, magis, agama, dan kepercayaan.

Dalam kegiatan-kegiatan seperti ini akan terlihat dengan lebih jelas lagi bagaimana pantun digunakan, bagaimana ianya tercipta, tersebar dan meninggalkan kesan dalam masyarakat kerana pengaruh pantun amat kuat di dalam masyarakat Melayu zaman silam.

Di sini, pengkaji berpendapat bahawa pantun Melayu seperti genre puisi Melayu yang lainnya tidak wujud dengan sendiri. Pantun Melayu yang

bertemakan atau berunsurkan agama dalam kajian ini berkait rapat dengan al-Quran dan al-Hadith kerana maksud yang terkandung di dalam pantun yang bertemakan agama ini sama ada maksud tersurat mahupun tersirat adalah bersumberkan al-Quran dan al-Hadith. Seniman Melayu yang ingin menyampaikan mesej agamanya kepada khalayak akan mengutip pengajaran itu daripada sumber berkenaan. Selepas itu digubah secara bijaksana ke dalam pantun tanpa lari daripada maksud asal.